

27 JAN 2001

Najib-Elaun

BEBERAPA ELAUN ATM DALAM KAJIAN TERAKHIR, KATA NAJIB

PEKAN, 27 Jan (Bernama) -- Beberapa elaun untuk anggota Tentera Malaysia (ATM) sedang dalam peringkat kajian terakhir dan dijangka dapat diselesaikan tidak lama lagi, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

"Ada elaun yang sudah kita hantar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tetapi ada juga yang masih dalam kajian untuk kita membuat satu cadangan yang lengkap," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan isteri-isteri nelayan di Kampung Pasir Panjang di sini.

Beliau berkata Kementerian Pertahanan hampir menyiapkan beberapa perkara yang membabitkan elaun ATM dengan sebahagiannya sudah diluluskan dalam belanjawan 2001 baru-baru ini manakala sebahagian lagi masih dalam pertimbangan JPA.

Najib berkata sebuah jawatankuasa dalaman Kementerian Pertahanan sudah ditubuhkan untuk mengkaji skim perkhidmatan tentera yang difikirkan munasabah tanpa menjejaskan prinsip perkhidmatan.

"Kita berharap kerajaan boleh menimbangkannya. Saya sebagai mewakili ATM akan jumpa Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) tidak lama lagi dengan cadangan-cadangan yang boleh dipertimbangkan," kata beliau.

Semalam, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menambah pelbagai kemudahan kepada anggota tentera, termasuk elaun dan kemudahan perumahan yang sebelum ini sudah diputuskan tetapi belum dilaksanakan.

Perdana Menteri berkata langkah itu adalah sebagai menghargai sumbangan dan pengorbanan ATM menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Najib berkata seluruh warga ATM gembira dengan kenyataan Dr Mahathir mengenai sanjungan dan pengiktirafan yang amat tinggi terhadap jasa dan pengorbanan ATM, lebih-lebih lagi sewaktu menentang komunis dan berkhidmat di luar negara di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Katanya secara umum, kerajaan sedia untuk menimbangkan beberapa perkara termasuk program perumahan ATM dengan memberi perakuan untuk melaksanakan pembinaan kuarters anggota tentera yang tertunggak.

Dalam perkembangan lain, Najib, yang juga Naib Presiden Umno berkata terserah kepada pucuk pimpinan parti untuk menentukan agenda yang akan dibincangkan dalam pertemuannya dengan PAS.

Katanya Umno bersikap terbuka asalkan matlamat perpaduan Melayu tercapai dan boleh menyelamatkan umat Islam serta menjamin kepentingan bangsa Melayu terpelihara.

"Perpaduan itu tidak semestinya menggunakan model dulu...tidak semestinya PAS bersama dengan Umno dalam kerajaan campuran tetapi ada bentuk-bentuk persefahaman dan kerjasama yang boleh diusahakan yang boleh meredakan suasana politik negara," kata beliau.

Beliau diminta mengulas kenyataan Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang tidak membenarkan parti itu menyertai Barisan Nasional (BN).

Nik Aziz dilaporkan berkata beliau juga akan melarang mana-mana anggota PAS daripada menyertai BN kerana menurutnya PAS sudah merasai keperitan ketika menyertai BN dahulu.

-- BERNAMA

ROS LAT